



PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TIARA PERMAI
NO.2A, JALAN 2/18A
TAMAN MASTIARA, JALAN IPOH
51200 KUALA LUMPUR

No. Telefon : +603-61794752

No. Faks: +603-62414679

E-mel: pibgsmktp20@gmail.com

Ruj. Kami : SMKTP(PIBG).100-13/1/4 (43)

Tarikh : 26 Ogos 2022

Semua Ibu Bapa / Penjaga
SMK Tiara Permai
Kuala Lumpur

YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan,

INGATAN MESRA KUTIPAN SUMBANGAN DAN KUTIPAN LAIN PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU (PIBG) SMK TIARA PERMAI BAGI TAHUN 2022

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas dan surat SMKTP(PIBG).100-13/1/4 (31) bertarikh 19 Mei 2022.

2. Dimaklumkan bahawa status kutipan sumbangan dan kutipan lain PIBG SMK Tiara Permai sehingga 15 Ogos bagi ibu bapa/penjaga murid Tingkatan 1 ialah 19%, Tingkatan 2 ialah 25%, Tingkatan 3 ialah 55%, Tingkatan 4 ialah 33% dan Tingkatan 5 ialah 25%.

3. Berdasarkan status kemajuan kutipan, pihak Jawatankuasa PIBG SMK Tiara Permai memohon jasa baik dan kerjasama YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan yang belum menjelaskan kutipan sumbangan dan kutipan-kutipan lain dapat berbuat demikian dengan kadar segera. YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan boleh menjelaskan kutipan sumbangan dan kutipan lain secara tunai atau secara dalam talian atau *Cash Desposit Machine* (CDM) menerusi akaun di bawah:

Nama Akaun : PIBG SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TIARA PERMAI

Nama Bank : Bank Rakyat

No. Akaun : 1100441213

Ref./Rujukan : Nama Anak dan Kelas

...4. Bukti atau resit bayaran bagi kutipan sumbangan dan kutipan lain hendaklah dikemukakan kepada guru kelas anak/jagaan masing-masing. Bersama-sama ini dilampirkan senarai kutipan sumbangan dan kutipan lain untuk perhatian YBhg. Dato'/Datin/ tuan/puan.

5. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan boleh menghubungi guru kelas anak/anak jagaan masing-masing.

Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"SATU WAWASAN MENUJU KECEMERLANGAN"

Saya yang menjalankan tugas,

(HAJI MOHD JAMALLUDIN BIN KASBI)

Yang Dipertua

Persatuan Ibu Bapa dan Guru

SMK Tiara Permai

**SENARAI KUTIPAN SUMBANGAN DAN KUTIPAN LAIN
PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU (PIBG) SMK TIARA PERMAI
BAGI TAHUN 2022**

BIL.	PERKARA	JUMLAH (RM)					
		PPKI	T1	T2	T3	T4	T5
1.	Sumbangan PIBG (per keluarga)	50.00	50.00	50.00	50.00	50.00	50.00
2.	Kurikulum/Kecemerlangan Akademik	20.00	20.00	20.00	20.00	20.00	160.00
3.	Program HEM	20.00	20.00	20.00	20.00	20.00	20.00
4.	Sukan dan Kokurikulum	20.00	20.00	20.00	20.00	20.00	20.00
5.	Majalah Sekolah	20.00	20.00	20.00	20.00	20.00	20.00
6.	Kad Pusat Sumber	8.00	8.00	8.00	8.00	8.00	8.00
7.	Penyelenggaraan Sekolah	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00
8.	Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00
9.	Perkhidmatan Hygiene Rentokil (Murid perempuan)	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00
Jumlah keseluruhan (Murid Lelaki)		158.00	158.00	158.00	158.00	158.00	298.00
Jumlah keseluruhan (Murid Perempuan)		163.00	163.00	163.00	163.00	163.00	303.00

Catatan:

1. Bayaran bagi kutipan sumbangan dan kutipan lain hendaklah dibuat melalui guru kelas anak/jagaan masing-masing.
2. Sebarang pertanyaan mengenai kutipan sumbangan ini, tuan/puan boleh menghubungi guru kelas anak/jagaan masing-masing.